



مجلس بنداراي فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (64)

Tarikh: 15 November 2024

300 WARGA KERJA MERIAHKAN MAJLIS JAMUAN DEEPAVALI MBPJ

PETALING JAYA, 15 November – Kira-kira seramai 300 orang warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hadir memeriahkan Majlis Jamuan Deepavali yang berlangsung pada 15 November 2024 di Dewan Banquet, MBPJ. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Majlis Jamuan Deepavali ini merupakan salah satu inisiatif MBPJ yang bertujuan untuk memperkukuhkan semangat perpaduan dan kemuafakatan dalam kalangan warga kerja MBPJ melalui sambutan yang penuh keakraban dan warna-warni budaya. Selain menjadi kesempatan untuk mengeratkan hubungan silaturahim, majlis ini juga memberi penghargaan kepada warga kerja berbangsa India atas dedikasi dan komitmen mereka dalam memastikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada komuniti Petaling Jaya.

Sebagai acara tahunan yang dinantikan, Majlis Jamuan Deepavali menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti Peragaan Busana dan Persembahan Bakat oleh Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak MBPJ. Selain itu, turut diadakan Pertandingan Pakaian Tradisi India Menarik dan Cabutan Bertuah dalam suasana yang meriah serta dipenuhi dengan semangat perayaan.

Selain dipenuhi dengan limpahan cahaya, para tetamu juga dihidangkan dengan kepelbagaian juadah seperti briyani, panipuri, idiyappam dan masakan panas. Tetamu menikmati hidangan sambil diiringi dengan persembahan tarian tradisi Bharathanatyam dan pertunjukkan seni pertahanan diri Silambam yang menambahkan lagi kemeriahan majlis.

Sebagai sebuah organisasi yang menghargai kepelbagaian budaya dan menggalakkan perpaduan, MBPJ berharap majlis ini akan menjadi satu lagi langkah ke arah mengeratkan hubungan antara semua warga kerja, seterusnya meningkatkan semangat kerja berpasukan dan keharmonian.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بنداراي فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (65)

Tarikh: 20 November 2024

MBPJ RAIKAN 119 PREMIS MAKANAN DAN TANDAS BERSIH SEMPENA HARI TANDAS SEDUNIA 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Premis Makanan dan Tandas Bersih Sempena Hari Tandas Sedunia 2024 bertempat di Dewan Banquet MBPJ hari ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Program ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pengusaha premis makanan dan tandas awam atas usaha dan inisiatif yang telah diambil bagi mencapai standard terbaik berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh MBPJ selaras dengan Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan Pihak Berkuasa Tempatan dan Garis Panduan Pengurusan dan Penarafan Bintang Tandas Awam di Malaysia yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dalam majlis tersebut, seramai 119 pengusaha premis makanan dan tandas awam telah dinobatkan sebagai penerima anugerah. Daripada keseluruhan jumlah penerima anugerah tersebut, 90 penerima adalah bagi Kategori Premis Makanan Bersih 2024, manakala 29 penerima lagi bagi Kategori Tandas Awam Bersih 2024.

Sebanyak 12 kategori premis makanan diiktiraf, termasuk restoran berhawa dingin, restoran tidak berhawa dingin, dapur hotel, kafe dan bakeri, restoran makanan segera, kompleks beli-belah, restoran 24 jam, medan selera swasta, kompleks gerai MBPJ, gerai individu MBPJ, kantin Sekolah Rendah Kebangsaan, dan kantin Sekolah Menengah Kebangsaan.

Kategori tandas awam yang menerima anugerah pula meliputi tandas awam Majlis, tandas awam di bangunan Majlis, rumah ibadat, hentian awam, hotel, terminal pengangkutan awam, kompleks beli belah, gerai dan pasar, stesen minyak, tandas Sekolah Rendah Kebangsaan serta tandas Sekolah Menengah Kebangsaan.



Kesemua premis yang menerima pengiktirafan ini mempunyai tahap kebersihan yang tinggi, dengan markah penilaian melebihi 86% bagi premis makanan dan 91% bagi tandas awam. Kriteria pemilihan merangkumi beberapa aspek penting seperti kebersihan, kawalan mutu makanan, pematuhan syarat permit, persekitaran, serta mesra pelanggan.

Penilaian dilakukan oleh wakil-wakil dari KPKT, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), serta pegawai dalaman MBPJ.

Melalui program ini, diharapkan dapat mengurangkan risiko kejadian kes keracunan makanan dan penyakit bawaan makanan serta minuman, seterusnya menjamin suasana persekitaran yang bersih dan selesa untuk pengguna. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan daya saing antara pengusaha premis dalam usaha menjadikan premis mereka sebagai contoh terbaik dalam kebersihan, yang akhirnya akan menyumbang kepada peningkatan jumlah premis makanan dan tandas bersih di kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (66)

Tarikh: 21 November 2024

EKSPLO BANDAR MESRA KANAK-KANAK PETALING JAYA 2024: KOMITMEN MBPJ TERHADAP KESEJAHTERAAN GENERASI MUDA

PETALING JAYA, 21 November 2024 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh komitmennya terhadap kesejahteraan generasi muda dengan penganjuran **Ekspo Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya (PJCFE Expo) 2024**, yang dirasmikan pagi ini oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya. Acara ini diadakan bersempena **Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia** dengan kerjasama **Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia** di Dewan Sivik MBPJ.

Kesejahteraan kanak-kanak merupakan keutamaan MBPJ dalam usaha membentuk masyarakat yang inklusif dan sejahtera. Kanak-kanak adalah aset penting untuk masa depan negara. Sejak tahun 2000, MBPJ telah melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak, dan usaha ini mendapat pengiktirafan apabila **Petaling Jaya diiktiraf sebagai bandar pertama di Malaysia yang meraih status Bandar Mesra Kanak-Kanak oleh UNICEF pada tahun 2023.**

Ekspo yang berlangsung selama dua hari ini turut menjadi platform bagi kerjasama antarabangsa dan tempatan, dengan penyertaan kanak-kanak dari pelbagai wilayah termasuk **Miyoshi (Jepun), Qingyuan (China), Asan dan Seongbuk-gu (Korea Selatan), Bandung (Indonesia)**, serta beberapa bandar di Malaysia seperti **Hulu Selangor, Kuala Terengganu, Kuching Utara, dan Kuching Selatan, Sarawak.**

MBPJ berhasrat untuk menjadikan ekspo ini sebagai acara tahunan yang menawarkan platform berterusan untuk dialog, kerjasama dan inovasi dalam usaha menjadikan bandar Petaling Jaya lebih inklusif dan mesra kanak-kanak. Pelbagai **pengisian menarik** diadakan sepanjang ekspo ini termasuk **Pertandingan Eksplorasi Harta Karun Si Cilik, Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah dan Tadika 2024, Pertandingan Lensa Cilik Petaling Jaya dan Ekspo Buku Petaling Jaya.**



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Salah satu sorotan utama acara tahun ini adalah **Anugerah Kecemerlangan Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya** yang pertama kali diperkenalkan. Anugerah ini mengiktiraf individu, organisasi dan komuniti yang cemerlang dalam mewujudkan persekitaran mesra kanak-kanak dengan mengintegrasikan elemen reka bentuk universal dan komponen mesra kanak-kanak ke dalam pembangunan, program, aktiviti dan perkhidmatan mereka.

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), anugerah ini mencerminkan tanggungjawab bersama untuk membina masa depan yang lestari dan inklusif untuk semua kanak-kanak. Majlis penyampaian anugerah ini akan berlangsung esok semasa Majlis Penutup Ekspo Bandar Mesra Kanak-kanak Petaling Jaya (PJCFC Expo) 2024.

Ekspo ini meliputi pelbagai aspek penting dalam kehidupan kanak-kanak di bandar, termasuk perancangan bandar, infrastruktur dan kemudahan, perkhidmatan, pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan, keselamatan dan banyak lagi. Ia mencerminkan pendekatan holistik Majlis untuk mewujudkan sebuah bandar di mana kanak-kanak boleh belajar, bermain dan membesar dalam persekitaran yang inklusif dan menyokong. MBPJ juga berharap ia akan memberi inspirasi kepada lebih banyak inisiatif yang memfokuskan kesejahteraan kanak-kanak.

PJCFC Expo 2024 bukan sahaja mencerminkan dedikasi MBPJ untuk memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak terus dipelihara, tetapi juga menjadi medan penting untuk membangunkan generasi muda yang berilmu, kreatif dan prihatin terhadap komuniti serta alam sekitar.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (67)

Tarikh: 22 November 2024

PENUTUPAN RASMI EKSPLO BANDAR MESRA KANAK-KANAK PETALING JAYA (PJCFC EXPO) 2024

Ekspo Bandar Mesra Kanak-kanak Petaling Jaya (PJCFC Expo) 2024 yang berlangsung selama dua (2) hari bermula 21 hingga 22 November 2024 di Dewan Sivik MBPJ telah melabuhkan tirai penganjurannya hari ini. Majlis penutupan ini telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samington.

Lebih 300 orang pelajar dari 16 buah sekolah terdiri daripada Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan sekitar Petaling Jaya telah mendapat manfaat secara langsung melalui sesi perkongsian dan diskusi melibatkan agensi-agensi terlibat yang memfokuskan kepada inisiatif pembentuk masa depan lestari dan inklusif untuk semua kanak-kanak.

Sebagai acara kemuncak ekspo tahun ini, Datuk Bandar telah menyampaikan anugerah **Petaling Jaya Child Friendly City Excellence Award 2024** kepada tiga pemenang kategori **Child Friendly Commercial** iaitu **Ikano Power Station, Pusat Beli Belah The Curve** dan **Restoran Meng Yang Two**. Selain itu, **Datin P.H. Wong**, Pengarah Eksekutif Childline Foundation diumumkan sebagai pemenang kategori **Child Friendly Leadership** dan **Martabat PJ** pemenang bagi kategori **Child Friendly Community**.

Anugerah yang pertama kali diperkenalkan ini bertujuan untuk mengiktiraf individu dan organisasi atas usaha dan komitmen mereka dalam mewujudkan persekitaran yang mesra kanak-kanak dan menjadi inspirasi kepada pihak lain.

MBPJ terus kekal komited dan beriltizam untuk memartabatkan golongan kanak-kanak dengan memberi perhatian terhadap hak dan keperluan mereka. MBPJ juga terus berusaha memastikan suara kanak-kanak ini didengari dan diintegrasikan dalam perancangan serta projek pembangunan bandar.

Penganjuran ekspo ini merupakan satu pencapaian terbesar yang menterjemahkan konsep “daripada kanak-kanak, bersama kanak-kanak dan untuk kanak-kanak” yang menjadi teras untuk segala usaha dan inisiatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بنداراي فتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (68)

Tarikh: 24 November 2024

MBPJ ANJUR LARIAN DENAI DAN HARI TERBUKA TAMAN JAYA 2024, PERKUKUH EKOPELANCONGAN DAN KELESTARIAN BANDAR

Sebagai persediaan menyambut Kempen Tahun Melawat Selangor 2025, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan **MBPJ Trail Endurance Series Finale: Hutan Pendidikan Bukit Gasing dan Hari Terbuka Taman Jaya 2024**. Program ini berlangsung pada 24 November 2024 bertempat di Taman Jaya dan telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Program sulung ini berjaya menarik perhatian penggemar sukan larian denai, dengan **500 peserta** menyertai acara **MBPJ Trail Endurance Series Finale: Hutan Pendidikan Bukit Gasing**. Dua kategori utama dipertandingkan iaitu **5 Hours Endurance (14.5 kilometer)** dan **Fast Trail (8.7 kilometer)** menjadikan edisi ini medan cabaran yang menyeronokkan untuk pelari-pelari dari pelbagai peringkat kemahiran.

Selain mempromosikan sukan larian denai yang semakin mendapat sambutan di negara ini, program ini juga bertujuan memperkenalkan Hutan Pendidikan Bukit Gasing sebagai destinasi rekreasi dan ekopelancongan ikonik di Petaling Jaya.

Sebagai pelengkap acara, **Hari Terbuka Taman Jaya 2024** diadakan bagi menarik pengunjung dari pelbagai peringkat umur dengan pelbagai pengisian menarik seperti **Pertandingan Mewarna, Pertandingan Paintball, Pertandingan Membina Landskap Mini, Bengkel Terrarium** serta **Saringan Kesihatan** oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ.

Program ini diadakan dengan kerjasama strategik antara **MBPJ, All-Trail Project** dan **MCIS Insurance Berhad ("MCIS Life")**. All-Trail Project memainkan peranan penting dalam menguruskan program larian termasuk menyediakan petugas 'Checkpoint' dan pasukan kecemasan. Sementara itu, MCIS Life telah menyumbang sebanyak **60 spesies anak pokok** termasuk **pokok Petaling, Pelawan Merah, Eugenia, dan Cempaka Putih**.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Tuan Prasheem Seebran, Ketua Pegawai Eksekutif MCIS Life, menekankan kepentingan usaha bersama dalam menangani cabaran alam sekitar. Beliau berkata, "Hari ini, ketika kita menanam pokok-pokok ini, kita bukan sahaja menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau — kita sedang menyemai harapan. Inisiatif ini adalah bukti komitmen kami terhadap kelestarian dan memastikan generasi akan datang mewarisi sebuah planet yang lebih sihat, bertenaga dan berdaya tahan. Di MCIS Life, kami percaya bahawa kemajuan sebenar berlandaskan kepada tanggungjawab bersama, bukan sahaja untuk kesejahteraan kewangan pelanggan kami, tetapi juga untuk dunia yang kita kongsi bersama."

Ia juga berpotensi memberikan manfaat besar dalam mengurangkan kesan perubahan iklim melalui peningkatan kualiti udara dan pemerkayaan biodiversiti. Selain inisiatif alam sekitar, MCIS Life juga komited dalam meningkatkan kesedaran mengenai kanser, pengesanan awal, dan pencegahan kanser. Syarikat ini turut menawarkan **pemeriksaan kanser percuma** kepada orang ramai melalui '**MCIS Life Purple Truck**'.

Program ini tidak hanya memupuk gaya hidup sihat dan menghargai alam semula jadi tetapi juga mencerminkan komitmen MBPJ dalam menyokong aspirasi Selangor sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia menjelang 2025.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL. Ruj. Kami: **MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (69)**

Tarikh: **28 November 2024**

MBPJ MEMPERKASA USAHAWAN TEMPATAN MELALUI ANUGERAH USAHAWAN BERPOTENSI PETALING JAYA 2024

Petaling Jaya terus mengorak langkah sebagai sebuah bandar raya dinamik dengan sokongan padu daripada golongan usahawan tempatan. Mereka berperanan penting dalam memacu ekonomi setempat melalui penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan aliran pendapatan serta menyokong pertumbuhan perniagaan. Selain menyumbang kepada hasil bandar melalui pembayaran cukai dan lesen, kehadiran mereka turut membantu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merealisasikan aspirasi membina komuniti progresif, memperkasakan ekonomi berasaskan teknologi dan menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang kompetitif serta berdaya saing.

Sebagai penghargaan kepada peranan penting golongan usahawan, MBPJ telah menganjurkan **Majlis Anugerah Usahawan Berpotensi Petaling Jaya 2024**, sebuah program berprestij yang bertujuan mengiktiraf pencapaian usahawan, menggalakkan penyertaan usahawan lain untuk menyertai kursus-kursus anjuran Majlis dan mendorong mereka mencapai tahap yang lebih tinggi dalam perniagaan. Anugerah ini menjadi platform bagi memacu inovasi, meningkatkan daya saing dan memupuk kecemerlangan keusahawanan sejajar dengan matlamat MBPJ untuk membina komuniti bandar yang pintar, mampan dan berdaya tahan.

Pelaksanaan **Pelan Strategik Pembangunan Usahawan Petaling Jaya 2021–2030** yang dilancarkan pada 10 Mac 2022 memberikan tumpuan kepada **empat (4) fokus utama**, iaitu:

1. Menambah baik infrastruktur gerai dan penempatan usahawan.
2. Pembangunan modal insan.
3. Memperkukuh ekonomi usahawan.
4. Pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan.

Sejak tahun 2022, MBPJ telah menganjurkan pelbagai kursus pembangunan usahawan dengan memberi penekanan pada aspek pemasaran digital, pengurusan kewangan, bimbingan secara "one-to-one coaching," pematuhan syarat pelesenan, kejuruteraan menu dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Sehingga kini, seramai 4,776 usahawan mikro telah mendapat manfaat daripada kursus-kursus ini dan ia menunjukkan peningkatan penyertaan setiap tahun. Kursus ini memberikan impak yang signifikan termasuk peningkatan pengetahuan dalam pendigitalan pemasaran melalui teknologi AI, peningkatan hasil jualan, penambahbaikan kualiti produk, dan pengurusan kewangan perniagaan yang lebih cekap.

MBPJ turut mengambil inisiatif menganjurkan program lawatan sambil belajar ke luar negara sebagai langkah memberi pendedahan global kepada usahawan mikro.

- Pada tahun 2022, lawatan telah diadakan ke kilang Kartika Sari dan kilang tekstil di Bandung, Indonesia.

- Pada tahun 2023, usahawan telah melawat Ratchaburi, Thailand yang turut disertai oleh pihak Kementerian Dalam Negeri Thailand yang memberikan perkongsian mengenai pelaksanaan Program One Tambun One Product (OTOP) dan Kementerian Luar Negeri Malaysia (Kedutaan Bangkok).

- Pada tahun 2024, Majlis dengan kerjasama MATRADE dan Kedutaan Malaysia di Ho Chi Minh akan mengadakan lawatan ke beberapa lokasi perindustrian dan menyertai **Ho Chi Minh City International Exhibition Food & Beverages (HCMC Foodex)**.

Pada tahun 2024, seramai 2,175 peserta telah mengikuti modul-modul kursus berkaitan keusahawanan dan sebanyak 92 permohonan telah diterima untuk menyertai **Kursus Usahawan Tahap 3**. Untuk layak ke Kursus Usahawan Tahap 3, peserta perlu memenuhi syarat seperti menetap atau menjalankan perniagaan di Petaling Jaya, memiliki lesen perniagaan, telah menyertai modul kursus Tahap 1 dan Tahap 2, serta mampu memberi komitmen penuh sehingga tamat program. Kursus yang berlangsung selama tiga bulan ini juga melibatkan bimbingan intensif dan lawatan tapak ke premis perniagaan peserta bagi meningkatkan kemahiran secara praktikal.

Majlis Anugerah Usahawan Berpotensi Petaling Jaya 2024 turut memperkenalkan elemen baharu seperti sesi 'Pitching' kepada 15 usahawan terpilih dan mereka perlu membentangkan idea mengikut syarat yang ditetapkan. Sebanyak **empat (4) anugerah** telah disampaikan iaitu **Anugerah Ikon Digital**, **Anugerah Pelan Perancangan Perniagaan Terbaik**, dan **Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik** dengan setiap penerima menerima sijil dan wang tunai RM300. Selain itu, 10 usahawan terbaik dianugerahkan **Anugerah Usahawan Berpotensi Petaling Jaya 2024** yang melayakkan mereka menerima sijil, trofi serta tiket lawatan sambil belajar ke Bandar Ho Chi Minh, Vietnam.

Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Najwan Bin Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memberi dan meluluskan peruntukan kewangan kepada pihak Majlis untuk membantu usahawan-usahawan di Petaling Jaya agar terus berdaya saing.

Pendaftaran kursus usahawan tahun 2025 kini boleh dibuat melalui laman **Facebook Pembangunan Usahawan MBPJ** atau **Laman Web MBPJ** di **www.mbpj.gov.my**. Bagi **Permit Bazar Ramadan Petaling Jaya 2025**, permohonan dalam talian melalui laman web <https://elesen.mbpj.gov.my> akan dibuka mulai 2 Disember 2024 (Isnin) hingga 15 Disember 2024 (Ahad). Sebanyak 18 lokasi bazar di sekitar Petaling Jaya disediakan dengan jumlah keseluruhan 1,260 petak.

MBPJ kekal komited dan beriltizam untuk terus menyediakan platform strategik bagi memperkukuh daya saing usahawan setempat dan memacu pembangunan ekonomi komuniti Petaling Jaya melalui inisiatif inovatif dan berimpak tinggi.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695